

# 1 Nilai dan Pengajaran Novel Cempaka Putih Untukmu

## 2 Nilai

3 **Kasih sayang** - Kasih sayang merupakan nilai yang terpenting dalam novel ini. Contohnya papa dan mama sayang akan  
4 anak mereka dan sentiasa mengambil berat perkembangan anak mereka di sekolah. Papa dan mama Hartini juga sangat  
5 menyayangi anak angkat mereka, iaitu Satiah malah sanggup menanggung kos perubatan Satiah di hospital.

6 **Setia kawan** - Nilai setia kawan ditekankan dalam novel ini. Persahabatan Hartini dan Satiah yang erat menyebabkan  
7 mereka sentiasa mengambil berat antara satu sama lain. Hartini sanggup dimarahi oleh Pak Morit supaya Satiah dapat  
8 dihantar ke hospital kerana tidak sanggup melihat penderitaan Satiah akibat penyakit barah paru-paru. Selain itu, Nora  
9 sanggup menjadi saksi kepada Hartini di depan Pengetua bahawa Hartini menampar Junainah kerana Junainah bersikap  
10 keterlaluan.

11 **Bertanggungjawab** – Nilai bertanggungjawab terdapat dalam novel ini. Encik Hasrul merupakan pegawai Jabatan  
12 Pertanian yang bertanggungjawab. Dia berusaha meningkatkan hasil pertanian kaum orang asli dan membantu mereka  
13 untuk memasarkan hasil pertanian mereka agar meningkatkan pendapatan kaum petani di kawasan Kuala Batu. Beliau  
14 juga seorang bapa yang bertanggungjawab. Dia telah beberapa hari tidak tidur untuk menyiasat kes dadah yang  
15 melibatkan anak perempuan, Hartini untuk membuktikan bahawa anaknya tidak bersalah. Guru-guru di kawasan  
16 pedalaman juga menjalankan tugas mereka dengan bertanggungjawab, seperti Cikgu Malik. Walaupun keadaan sekolah  
17 kekurangan kemudahan, tetapi mereka tetap melahirkan pelajar yang cemerlang seperti Satiah.

18 **Gigih**- Terdapat nilai gigih dalam novel ini. Hartini gigih mencari pendekatan tanpa berputus asa supaya dapat  
19 mengubah pendirian Pak Morit sehingga bersetuju untuk menghantar Satiah ke hospital.

20 **Tabah** – Nilai tabah sentiasa dipaparkan oleh watak Satiah dalam novel ini. Contohnya Satiah sentiasa sabar dan tabah  
21 terhadap penyakitnya. Walaupun dia menanggung penderitaan yang tidak terperi, dia tetap bertenang dan tidak mahu  
22 kawan dan emaknya menaruh bimbang terhadapnya.

23 **Rajin** - Terdapat nilai rajin dan tekun dalam novel ini. Contohnya Satiah seorang gadis yang rajin. Ketika tinggal di  
24 rumah Hartini, dia sentiasa membantu mama Hartini di dapur. Dia juga tekun menelaah pelajaran walaupun sering sakit  
25 dan demam sehingga mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan PMR.

26 **Mengakui kesalahan diri** – Nilai mengakui kesalahan diri juga dipaparkan dalam novel ini. Pengetua Sekolah Menengah  
27 Puncak Wawasan mengetahui kesilapan sehingga Hartini dilokap lalu segera meminta maaf kepada Hartini di balai polis.  
28 Di samping itu, Hartini juga sedia mengakui kesalahan diri yang terburu-buru sehingga menampar muka Junainah lalu  
29 meminta maaf kepada Junainah di depan pengetahuan secara ikhlas.

30 **Tolong –menolong** - Terdapat nilai tolong-menolong dalam novel ini. Papa dan mama Hartini bersikap baik hati dan  
31 sedia memberikan bantuan kepada orang lain. Mereka sering menghulurkan bantuan kepada Satiah secara ikhlas.  
32 Seperti menjaga Satiah yang sakit, menghantar Satiah ke hospital dan menanggung kos perubatan.

33 **Kerjasama** - Selain itu, nilai kerjasama juga diterapkan dalam novel ini. Ketika kenduri kesyukuran diadakan di rumah  
34 Hartini untuk meraikan keputusan mereka yang cemerlang, penduduk kampung turut hadir dan bekerjasama untuk  
35 menjayakan kenduri itu. Di samping itu, Encik Hasrul berjaya membuktikan bahawa Hartini tidak bersalah dengan  
36 kerjasama polis Narkotik dan pengetua sekolah sehingga dalang sindiket itu ditangkap.

37

## 39 Pengajaran

40 Salah satu pengajaran dalam novel ini adalah **jangan terlibat dalam penagihan dadah**. Contoh anak perempuan sulung  
41 Pak Morit terlibat dalam penagihan dadah sehingga mati kerana menghidap penyakit AIDS. Mak Usu kepada Hartini dan  
42 anak ketiga Mak Leha juga terlibat dalam penagihan dadah sehingga menghampakan ibu mereka.

43 Terdapat pengajaran **kita harus hormat dan taat kepada ibu bapa**. Hartini hormat kepada ibu bapanya. Ketika  
44 menghadapi kegelisahan, dia akan meminta pandangan daripada ibu bapanya. Satiah juga hormat dan taat kepada ibu  
45 bapanya. Dia menerima perintah bapa tanpa mengingkari kehendak bapanya.

46 **Kita harus menghulurkan bantuan kepada orang yang menghadapi kesusahan**. Hasrul dan isteri sedia memberikan  
47 bantuan kepada orang lain. Mereka sentiasa menghantar Satiah ke hospital dan sanggup menanggung kos perubatan  
48 Satiah.

49 Selain itu, **ibu bapa harus mengambil berat terhadap kesihatan dan masalah anak mereka**. Sebagai contoh, Pak Morit  
50 sepatutnya membawa Satiah yang sering demam ke hospital supaya penyakitnya dapat dikesan dengan lebih sehingga  
51 dapat diselamatkan. Sebaliknya Encik Hasrul seorang bapa yang sentiasa mengambil berat akan masalah anaknya. Dia  
52 membuat siasat sendiri untuk membuktikan bahawa anaknya tidak bersalah dalam kes dadah.

53 Tambahan pula, kita tidak patut bersikap ego. Sebagai contohnya keegoan Pak Morit yang tidak membenarkan Satiah  
54 menerima perubatan moden telah menyebabkan Satiah tidak berpeluang untuk dipulihkan.

55 Bukan itu sahaja, **kita juga patut rajin dan tekun menuntut ilmu**. Contohnya Hartini bercadang untuk belajar secara  
56 berkumpulan dengan rakannya sehingga mereka berjaya mencapai keputusan yang baik. Walaupun berasal daripada  
57 orang asli yang hidup dengan miskin, Satiah tekun menelaah pelajaran sehingga berjaya mencapai keputusan yang  
58 cemerlang dalam PMR.

59 **Kita harus ikhlas dan setia kawan terhadap rakan**. Contohnya Hartini melayani Satiah secara ikhlas dan sentiasa  
60 menjaga persahabatan mereka. Dia tidak pernah memandang rendah terhadap rakannya yang berasal daripada keluarga  
61 miskin dan berketurunan orang asli. Ketika belajar di sekolah berasrama yang berlainan, Hartini menulis surat setiap  
62 malam kepada Satiah untuk mengekalkan persahabatan mereka.

63

64 Disediakan pada tengah malam 23 Oktober 2011 di Tawau, Sabah.